

PEMBENTUKAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN (JAK)

Latar belakang

- (a) Pada bulan Ogos 1962, kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan penubuhan JAK.
- (b) Diwakili oleh kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
- (c) Bertujuan untuk menyediakan **rangka perlembagaan** dan membentuk keperluan **melindungi kepentingan** Sarawak dan Sabah.
- (d) Mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton pada 30 Ogos 1962.
- (e) Mesyuarat terakhir diadakan di Kuala Lumpur pada 18 – 20 September 1962.

Ahli jawatankuasa

- (a) Dipengerusikan oleh **Lord Lansdowne**, Menteri Tanah Jajahan.
- (b) Timbalan Pengerusi ialah **Tun Abdul Razak Hussein**.
- (c) **Wakil Sarawak** ialah Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah anak Barieng, Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sin.
- (d) **Wakil Sabah** terdiri daripada Ketua Setiausaha, Peguam Negeri, Setiausaha Kewangan, Datu Mustapha Datu Harun, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew.
- (e) Mempunyai **lima jawatankuasa kecil**:
 - (i) Kewangan
 - (ii) Perlembagaan
 - (iii) Organisasi Jabatan
 - (iv) Perkhidmatan Awam
 - (v) Perundangan dan Kehakiman

Usul JAK

- (a) **18 perkara** bagi Sarawak dan **20 perkara** bagi Sabah yang perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Menjamin hak serta kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah.

